

27 AUG 2002

Nik Aziz-Samseng

NIK AZIZ TEGASKAN BELIAU TIDAK PERLU BERTAUBAT

KOTA BAHARU, 27 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata beliau tidak perlu bertaubat kerana tidak melakukan kesalahan dari sisi agama apabila menyamakan sifat tuhan dengan manusia.

Katanya mereka yang meminta beliau supaya bertaubat berhubung tafsiran "Allah samseng", termasuk Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, perlu membuktikan bahawa kenyataannya salah dari segi akidah Islam dan bukannya terus mendesak beliau untuk mengaku salah dan bertaubat.

"Tolong ajar dan tolong terjemah sendiri dengan terjemahan yang tidak menyerupai sifat manusia, tapi sampai sekarang (siapapun) tidak terjemah lagi," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Media tempatan hari ini melaporkan kenyataan Abdul Hamid yang meminta Nik Aziz, yang juga Mursyidul Am PAS, bertaubat kerana menyamakan sifat buruk manusia dengan Allah, satu kesalahan besar dalam akidah Islam apabila memanggil Allah samseng.

Abdul Hamid berkata Nik Aziz mungkin berpegang dengan satu mazhab yang ditolak oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mengambil kira maksud batin dan bukannya zahir berhubung persamaan sifat manusia dan tuhan.

Berhubung kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau tidak pernah ingin mengaku kelemahan diri, Nik Aziz berkata perkara itu tidak benar.

Nik Aziz berkata sekiranya dalam sesuatu perkara beliau tidak tahu dan lemah, beliau akan terus mengaku dan mungkin dalam isu ini iaa mungkin permainan politik sesuatu pihak dan bukannya untuk menjaga akidah.

-- BERNAMA

RAR RON